

NO. SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 15 MAC 2018

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan kesudian Kerajaan untuk memberi subsidi barang keperluan asas untuk golongan B40 untuk membantu mereka menghadapi kesusahan kewangan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kerajaan sememangnya telah menyediakan subsidi bagi barang keperluan asas seperti minyak masak, tepung gandum kegunaan am dan gas petroleum cecair untuk meringankan kos sara hidup rakyat. Bagi tahun 2018, subsidi bagi barang keperluan tersebut diteruskan untuk manfaat semua golongan masyarakat.